

04 AUG 2001

Samy-Sekolah

KAJIAN SEKOLAH BANTUAN MODAL AKAN DIJALANKAN

IPOH, 4 Ogos (Bernama) -- Satu kajian akan dijalankan untuk mengenalpasti samada semua sekolah rendah China dan Tamil boleh diserapkan sebagai sekolah bertaraf bantuan penuh kerajaan.

Presiden MIC, Datuk Seri S.Samy Vellu berkata kajian itu sejajar dengan rancangan untuk mewujudkan status serupa untuk semua sekolah rendah pada masa depan.

"Pada masa akan datang, semua sekolah akan dikenali sebagai sekolah rendah kebangsaan. Tetapi identiti, cara pengajaran dan bahasa akan dikekalkan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat agung Persatuan Gurubesar Sekolah Tamil Perak di sini semalam.

Samy berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meminta Kementerian Pendidikan menjalankan kajian itu selepas mendengar pendapat daripada anggota kabinet.

"Bila perkara ini dibangkitkan dalam kabinet, semua menteri mewakili kaum India dan China menyertai perbincangan. Kami semua bersetuju bahawa semua patut diberi bantuan yang sama, semua sekolah patutnya mendapat bantuan penuh," katanya.

Sebahagian sekolah China dan Tamil sekarang hanya mendapat bantuan modal dari kerajaan.

Samy yang juga Menteri Kerja Raya berkata pelaksanaan cadangan itu akan meningkatkan kualiti kebanyakan sekolah jenis itu terutamanya sekolah-sekolah Tamil.

Pada masa ini hanya 170 sekolah Tamil mendapat bantuan penuh manakala 300 yang lain mendapat bantuan modal.

-- BERNAMA

AR MOZ